

**NGO, Parti Politik Selar Irene
Bernama
09 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Beberapa badan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik hari ini menyelar tindakan Pengarah Eksekutif Tenaganita Irene Fernandez memburukkan imej Malaysia melalui media Indonesia.

Mereka turut meminta kerajaan dan polis mengambil tindakan tegas terhadap Irene termasuk menutup Tenaganita kerana jika dibiarkan, ia akan terus menjadi 'virus' yang boleh terus mencemarkan negara.

Presiden Ikatan Rakyat Insan Muslim Malaysia (IRIMM) Amir Amsaa Alla Pitchay melihat tindakan Irene sebagai pengkhianatan kepada negara dan cuba mengeruhkan hubungan baik antara dua negara berjiran.

"Kalau nak kritik negara sendiri, lebih baik jangan duduk di Malaysia dan jangan langsung makan atau hidup di sini," katanya pada sidang akhbar di sini yang turut disertai wakil Dewan Ekonomi dan Sosial Muslim Malaysia (DESMMA), Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (Pekida), Parti Progresif Penduduk (PPP) cawangan Ampang dan MIC cawangan Wangsa Maju.

'The Jakarta Post' pada Isnin, antara lain, melaporkan dakwaan Irene bahawa Malaysia tidak selamat untuk pekerja Indonesia kerana kononnya ia tidak mempunyai rangka kerja mahupun undang-undang khusus untuk melindungi pekerja.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664923>